# MMC-Gamuda calon utama laksana terowong MRT

MMC-GAMUDA JOINT VENTURE SDN BHD
Electrified Double Track Project

**MMC**-Gamuda Joint Venture Sdn Bhd berada pada senarai teratas prakelayakan bagi peringkat kerja teknikal menebuk terowong laluan Transit Pantas Massa (MRT) Sungai Buloh-Kajang yang bernilai RM8 bilion.

Firma Penyelidikan, HwangDBS Vickers Research berkata, MMC-Gamuda mempunyai pengalaman bernilai dan struktur kos yang kompetitif.

"Kerja itu akan dikeluarkan bulan depan. Penilaian komersial sedang dilaksanakan," kata syarikat itu.